

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 14 RABU 2 APRIL, 1969 1389 13 محرم رابو PERCHUMA

D.Y.M.M. rasmikan komplek bangunan Pulis Di-Raja

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan telah merasmikan pembukaan kompleks bangunan pasokan Pulis Di-Raja Brunei pada hari Sabtu lepas.

Komplek bangunan yang menelan belanja kira2 \$6 juta itu di-bena di-satu kawasan sa-luas 66 ekar di-Gadong, kira2 empat batu dari Bandar Brunei.

Keberangkatan Baginda telah di-sambut oleh Pesuruhjaya Pulis, Dato Seri Laila Jasa Awang J.R.H. Burns.



Baginda kemudian-nya memeriksa barisan kehormatan yang terdiri dari satu detachement Pulis Di-Raja Brunei.

Dato Burns dalam ucapan-nya untuk mengalu2kan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia, telah mengucapkan terima kaseh kepada kerajaan Baginda kerana melengkapkan pasokan pulis dengan sa-buah ibu pejabat yang luas lagi moden serta kemudahan2 bagi melichinkan kerja2 pasokan itu.

Dato Burns juga menerangkan serba ringkas kerja2 yang di-jalankan di-berbagai bahagian dalam pasokan pulis.

Sa-telah upacara merasmikan kompleks bangunan itu, berbagai unit dari pasokan itu telah berbaris di-hadapan pentas Di-Raja.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan kemudian-nya melawat ka-bangunan pentadbiran.

Antara yang hadir di-upacara itu ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A.R. Adair, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Paduka Awang Mohd. Taib bin Awang Besar, Yang Amat Mulia Cheteria2, Yang Berhormat Penu-long2 Menteri, Ahli2 Majlis Mashuarat dan pegawai2 kanan kerajaan.

Sg. Kedayan 'B' akan di-hubongkan dgn bandar

BANDAR BRUNEI — Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Md. Ali bin Awang Besar menyatakan bahawa Kampong Sungai Kedayan "B" tidak berapa lama lagi akan di-hubongkan dengan bandar apabila sa-buah jambatan yang di-ranchangkan siap di-bena nanti.

Menyatakan dalam persidangan bulanan Majlis Mashuarat Daerah yang berlangsung pada hari Rabu lepas, beliau menerangkan bahawa pemborongan untuk pembinaan jambatan tersebut telah pun di-

perolehi dan tidak lama lagi akan di-mulakan kerja2 pembinaan-nya.

Awang Md. Ali menyatakan demikian ketika menjawab soalan dari Awang Abdul Latif bin Abdul Hamid, ahli bagi kawasan pemilihan Sungai Kedayan.

Menjawab satu soalan yang lain yang di-kemukakan oleh Pengiran Mohammad Samli bin Pengiran Lahab, ahli bagi kawasan Pekan Lama, Awang Md. Ali berkata bahawa pembinaan balai2 raya di-Kampong Ayer telah di-tanggohkan untuk sementara waktu.

Pengiran Mohammad Samli juga ingin tahu tentang ranchangan perpindahan bagi penduduk2 Kampong Ayer yang akan di-tempatkan di-Sungai Maragang kawasan Muara dan kawasan dekat Kampong Jerudong.

Menjawab soalan ini, Awang Mohammad Ali berkata bahawa penyelidekan bagi ranchangan itu maseh lagi dalam pertimbangan.

Dalam persidangan itu beberapa orang ahli telah juga melapadkan ucapan penanggohan.

Duli Yang Maha Mulia kelihatan sedang membalas tabek kehormatan sa-jurus sa-telah Baginda tiba untuk merasmikan pembukaan kompleks Bangunan Pulis Di-Raja Brunei. Di-kiri Baginda ia-lah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong dan di-kanan Baginda ia-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A.R. Adair dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara.

Kembali sa-telah tamat latehan

BANDAR BRUNEI. — Saramai 90 orang rekrut Pulis Di-Raja Brunei telah pulang ka-tanah ayer sa-lepas berjaya menamatkan latehan selama sembilan bulan di-Pusat Latehan Pulis di-Kuala Lumpur.

Mereka telah di-temani oleh empat orang pegawai latehan.

Rekrut itu telah berlepas ka-Kuala Lumpur dalam bulan Ogos tahun lalu untuk menjalani latehan2 lanjut.

Sa-masa dalam latehan mereka telah di-ajar mengenai undang2 dan peratoran pulis serta kewajipan am pulis.

Jabatan

Imigresen pindah

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Imigresen telah pindah dari pejabat-nya di-Jalan Roberts dan Jalan Kianggeh pada hari Sabtu lepas.

Jabatan yang meliputi bahagian Kad Pengenalan dan Pendaftaran Kebangsaan itu sekarang ini di-tempatkan di-sebuah bangunan berhampiran dengan Balai Pulis Bandar Brunei.

TINJAUAN TERHADAP TUGAS JABATAN

ADA-LAH sukar bagi sa-tiap orang untuk mengetahui akan tugas satu2 jabatan yang hubongannya amat rapat dengan mereka. Tidak-lah merupakan perkara yang mustahil pula bagi sa-seorang itu dengan tidak di-sedari-nya telah melanggar peraturan2 yang telah di-tetapkan. Ini ada-lah berpuncha dari kesamaran pengetahuan.

Jabatan Kastam ada-lah sa-buah jabatan yang penting bagi mengawal export hasil2 negeri dan import keperluan2 yang di-bekalkan ka-dalam negeri.

Dari dua jurusan ini saja telah membawa pengertian yang besar pada perkembangan kemakmoran dan keamanan negeri.

Di-bawah ini di-perturunkan hasil dari wawanchara wakil kita dengan Penyelia Kastam, Awang Sahari bin Idris.

Wawanchara ini di-harapkan supaya dapat membantu orang ramai bagi mengetahui (walau pun tidak sa-chara detail) akan tanggung-jawab Jabatan Kastam dan hubongannya dengan kerja-sama yang di-perlukan dari orang ramai.

KASTAM DI-RAJA YANG SEMAKIN PESAT

SOALAN:

Sekarang kita telah melihat perubahan2 mengenai dengan Tambatan Kastam Di-Raja masa ini, dapat-kah tuan menerangkan berapakah panjang-nya Tambatan yang ada sekarang ini, dan berapa buah-kah kapal yang boleh merapat di-Tambatan itu?

JAWAPAN:

Sa-benar-nya soalan ini sa-patut-nya bukan-lah saya dari pehak Kastam memberikan penerangan, kerana tambatan ini ada-lah di-kuasakan oleh Jabatan lain, sunggohpun dia biasa di-gelar sa-bagai Tambatan Kastam. Tetapi walau pun begitu pehak saya tidaklah keberatan untuk memberikan penerangan saperti yang di-kehendaki.

Pada mula-nya Tambatan ini hanya 200 kaki panjang-nya, kemudian di-sambong lagi 200 kaki dan baru2 ini di-sambongkan lagi sa-banyak 330 kaki. Maka jumlah panjang-nya sekarang ada-lah 730 kaki. Maksud-nya 3 buah kapal yang panjang sekali dapat memasuki Sungai Brunei boleh merapat sunggoh pun kerap kali juga di-lihat empat buah kapal yang tidak begitu panjang ada merapat pada satu masa.

SOALAN:

Mengikut hitong panjang dalam sa-bulan, berapa buah-kah kapal2 dari luar negeri yang masuk ka-Brunei ini, dan berapa lama-kah tiap2 sa-buah kapal itu boleh berada di-Tambatan Kastam Di-Raja, atau pun di-Perayeran Sungai Brunei?

JAWAPAN:

Mengikut hitong panjang ada-lah sa-banyak 166 buah kapal dari luar negeri yang masuk ka-Brunei ini dan lamanya pula tiap2 sa-buah kapal itu boleh berada di-Tambatan, biasanya ada-lah tertaaok kepada lama-nya kerja2 punggah dan muat yang di-jalankan katatas Tambatan itu. Belum ada sekatan yang di-kenakan kepada lama-nya kapal yang membawa muatan boleh berada di-Perayeran Brunei.

SOALAN:

Dapat-kah tuan menerangkan, berapa-kah hasil pendapatan yang di-perolehi oleh Jabatan tuan sa-panjang tahun 1968, dan perbedzaan pendapatan itu dengan tahun 1967?

JAWAPAN:

Hasil pendapatan yang di-perolehi oleh Jabatan Kastam sa-panjang tahun 1968 ada-lah berjumlah sa-banyak \$7,173,000 dan jika di-banding dengan hasil pendapatan bagi tahun 1967 yang berjumlah sa-ba-

Bukan saja orang luar yang melarikan chukai di-hadapkan ka-mahkamah, tetapi juga terdapat orang2 tempatan.

nyak \$6,685,000 maka perbedzaan pendapatan hasil ada-lah berlebeh sa-banyak lebeh kurang sa-tengah juta ringgit bagi tahun 1968.

SOALAN:

Masa ini ada berapa buah-kah Pejabat Luar (out-station) di-seluruh Negeri Brunei, dan di-manakah tempat2-nya, serta berapa orangkah yang di-tugaskan di-tiap2 Pejabat Luar itu, apa tujuan2 utama-nya?

JAWAPAN:

Masa ini ada 6 out-station di-seluruh negeri. Satu di-Kuala Labu di-mana ada di-tugaskan 3 orang pegawai; satu di-Baru2, 2 orang pegawai; satu di-Muara, 2 orang pegawai; satu di-Tutong, sa-orang pegawai; satu di-Sungai Tujoh, di-Belait 3 orang pegawai dan satu di-Sungai Lampai, 2 orang pegawai. Tujuan utama-nya ia-lah untuk mengutip serta/atau mempertahankan hasil, sa-lain dari menjalankan tugas2 mengenai tegahan dan sekatan ka-atas barang2 yang di-impot atau di-ekspot. Pas2 belayar atau "clearance" ada-lah juga di-keluarkan dari out-station tersebut.

Umpama-nya sa-buah kapal akan belayar ka-satu pelabuhan, sama ada pelabuhan itu

ada dalam atau luar negeri, kapal itu boleh-lah mengambil pas belayar-nya dari mana2 pejabat Kastam atau dari tempat2 yang di-tentukan atau dari salah satu out-station tersebut yang sa-habis dekat pada-nya, kechuali out-station di-Sungai Tujoh yang hanya mengawal kenderaan2 darat. Begitu juga bagi sa-buah kapal yang tiba dari mana2 pelabuhan, sama ada dalam atau luar Negeri, boleh-lah ia menyerahkan pas belayar-nya kepada mana2 Pejabat Kastam atau

ka-tempat2 yang di-tentukan atau ka-out-station yang paling hampir sekali kapada pelabuhan ketibaan-nya.

SOALAN:

Ada-kah orang2 luar yang masuk ka-negeri ini, pernah di-dapati membawa barang2 yang di-haramkan oleh Undang2 Kastam masuk ka-negeri ini, atau pun chuba melarikan chukai yang sa-mesti-nya di-kenakan?

JAWAPAN:

Pernah, perkara2 yang kechil biasa-nya di-selesaikan oleh Jabatan Kastam sahaja di-mana orang2 yang melarikan chukai itu di-denda sa-hingga sekian banyak sahaja. Bagi perkara2 yang besar2an, kita bawa ka-Mahkamah untuk di-selesaikan. Ini bukan bermakna orang2 luar sahaja yang di-denda atau di-hukum, bahkan orang2 Negeri pun pernah di-denda dan atau di-hukum manakala mereka di-dapati melarikan chukai Kastam atau menyalahi Undang2 Kastam.

SOALAN:

Untuk pengetahuan umum, dapat-kah tuan menerangkan, apa-kah tugas2 yang penting, yang harus di-lakukan oleh Pegawai2 Kastam, dan apa-kah

yang sa-patut-nya di-buat oleh orang ramai, terhadap Jabatan tuan. Di-harap tuan dapat menerangkan supaya orang ramai dapat mengetahui, dan dapat bekerja sama dengan Jabatan tuan.

JAWAPAN:

Tugas2 yang penting; Pertama ada-lah berhubung dengan barang2 yang di-masokkan ka-dalam Negeri (impot). Dalam perkara ini kewajipan pegawai2 ada-lah menahan dan memeriksa semua barang2 yang di-masokkan ka-dalam Negeri. Berpuas hati yang semua barang2 yang ada dalam manifest kapal (daftar barang2) ada-lah betul belaka dan semua barang2 yang di-daftarkan ada di-nyatakan dalam borang kenyataan (import declaration) oleh si-pemasok. Menentukan chukai2 dan butir2 yang di-nyatakan atau berpuas hati atas barang2 yang ta'alok kapada peratoran khas atau tegahan dan larangan. Barang2 yang berchukai bakal di-gunakan dalam Negeri chukai-nya yang penoh telah di-bayar atau sa-hingga jaminan yang patut telah di-beri. Simpanan barang2 ka-dalam Gudang Bond atau kerana pindah muatan ka-lain kapal, menahan barang2 yang melanggar mana2 sekatan atau tegahan.

KEDUA — Pegawai2 mengawal barang2 yang masuk keluar dari Gudang Bond yang di-simpan di-dalam-nya. Menentukan bahawa chukai penoh telah di-bayar atas barang2 yang di-keluarkan dari Gudang Bond, menengok bahawa barang2 yang di-keluarkan samula daripada Negeri telah di-simpan dengan sempurna dan sa-bagai-nya.

KETIGA — Barang2 untuk di-keluarkan daripada Negeri (di-ekspot). Ini berkehendakkan peperiksaan atas barang2 sa-belum di-kirim, dan juga atas tarekan balek chukai (drawback). Pegawai2 memilih/menimbang 10 peratus daripada bungkusan2 yang sama besar-nya atau 20 peratus atau lebeh dalam perkara barang2 yang berlainan besar bungkusan-nya.

Dan suka-lah juga saya menerangkan lagi ia-itu berkenaan dengan pekerjaan pegawai2 Kastam ia-lah menchegeh pemasokan barang2 dengan jalan haram oleh bahagian preventive. Pegawai2 Kastam boleh di-suroh menaikki mana2 kapal yang berada dalam kawasan atau pelabuhan dan perayeran, membongkar menchari kasemua bahagian2 kapal barang2 tegahan atau yang berkesalahan Kastam. Mereka mempunyai kuasa memeriksa mana2 orang yang ada di-atas kapal atau mana2 orang yang mendarat dari kapal jika ada-nya sebab menshak bahawa orang itu ada menyembunyi-

(Lihat Muka 6)

TOHAN MENCHIPTAKAN PASANGAN SUAMI ISTERI

HIDUP damai yang di-liputi oleh cinta dan kaseh sayang, khas-nya antara suami dan isteri ada-lah puncha kerukunan hidup berumah tangga. Keadaan itu akan menerbitkan keberuntungan dalam kehidupan dan menerbitkan keselamatan untuk keturunan yang akan datang.

Hidup berumah tangga ada-lah salah satu tanda kebesaran Tohan sa-bagaimana firman-Nya yang bermaksud dalam surat Alrumm ayat 21.

"Dan di-antara keterangan2 dan tanda2 kebesaran Tohan itu ia-lah Ia (Tohan) menchiptakan untuk kamu pasangan (isteri) yang sa-jenis dengan kamu sendiri supaya kamu mendapat ketenteraman dengan mereka dan di-timbolkan-nya di-antara kamu perasaan mesra dan kaseh sayang."

Salah satu yang menjadi tujuan hidup berumah tangga ia-lah untuk membiakkan keturunan jenis manusia. Dalam hal ini Tohan menggambarkan dalam surat Lokman ayat 14 berhubung dengan kesangsaraan sa-orang ibu ketika mengandung dan memelihara anaknya, yang mana kerana itu Tohan menyuruh kita bershukor dan berterima kaseh kepada kedua ibu bapa. Firman Tohan itu bermaksud:

"Dan Kami (Tohan) wasiatkan (perintahkan) kepada manusia itu supaya berbuat baik kepada kedua ibu bapa, kerana ibu-nya telah mengandung-nya dalam keadaan yang lemah dan menderita yang berganda2 dan memelihara-nya hingga bercherrai daripada menyusu dalam masa dua tahun. Hendak-lah engkau bershukor kepada Aku (Tohan) dan kepada kedua ibu

mu, kepada aku-lah tempat kembali."

Ajaran2 Al-Koran sangat-lah mengambil berat berhubung dengan kedua ibu bapa, kita hendak-lah sentiasa berbuat baik dengan mereka itu, dan ketika kedua2-nya telah tua ada-lah menjadi kewajipan anak-nya pula untuk memelihara kedua-nya dengan penuh perasaan kaseh sayang.

UNTOK KETENTERAMAN

DAN KEMESRAAN

DI-SAMPING

MEMBIAKKAN KETURUNAN

MANUSIA

KHUTBAH JUMA'AT

Walau bagaimana besar-nya budi sa-orang anak terhadap kedua ibu bapa-nya, ada-lah sangat sukar di-banding dengan besar-nya pengorbanan kedua ibu bapa.....

Sa-benar-nya walau bagaimana besar-nya pun budi sa-orang anak terhadap kedua ibu bapa-nya, ada-lah sangat sukar di-banding dengan besar-nya pengorbanan kedua ibu bapa yang memelihara dan mendidik anak-nya itu.

Perkara ini di-gambarkan



oleh Tohan dalam suratul Isra' ayat 23-24 yang bermaksud seperti berikut:

"Dan Tohan-mu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah sa-lain daripada-nya, dan supaya kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Jika salah sa-orang diantara kedua-nya atau pun kedua2-nya telah lanjut usianya, jangan-lah engkau mengatakan kepada mereka perkataan2 yang kasar dan tidak hormat dan jangan-lah pula engkau hardek dan hendak-lah engkau ucapkan kepada kedua-nya perkataan2 yang mulia dan hormat, dan rendahkan diri-mu kepada kedua-nya sa-bagaimana mereka telah mengasoh 'aku di-waktu aku masih kecil'."

Daripada ayat2 suchi yang telah di-terangkan tadi dapatlah di-ambil kesimpulan bahawa kita hendak-lah hidup dalam berumah tangga dan menghormati orang tua kita. Demikian ajaran Ugama kita.

BEKALAN AYER UNTUK LABI

KUALA BELAIT. — Kerja2 memasang paip bagi ranchangan bekaln ayer di-Labi, Ulu Belait telah selesai.

Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail berkata, paip2 itu nanti akan membekalkan ayer karumah2 di-kawasan Labi dari sa-buah tanki yang akan di-bena berdekatan dengan Balai Pulis Labi.

Ayer akan di-ambil dari sa-buah telaga yang dalam

berhampiran dengan Sekolah Melayu yang lama.

Ranchangan bekaln ayer Labi itu di-taksirkan menelan belanja kira2 \$73,000.00.

Apabila ranchangan tersebut selesai lewat tahun ini, ayer akan di-bekalkan kepada penduduk2 di-kawasan Labi yang di-taksirkan berjumlah 2,000 orang.

Pengiran Dato Paduka Momin berkata projek tersebut dilaksanakan di-bawah ranchangan luar bandar daerah itu. Ia-nya di-selenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 2 April, 1969 hingga ka-hari Selasa 8 April, 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

<i>Hari</i>	<i>Bulan</i>	<i>Dzohor</i>	<i>Asar</i>	<i>Magrib</i>	<i>Isha</i>	<i>Imsak</i>	<i>Suboh</i>	<i>Matahari Terbit</i>
2 April	12-29	3-44	6-33	7-45	4-48	5-03	6-18	
3 April	12-29	3-44	6-33	7-45	4-48	5-03	6-18	
4 April	12-29	3-44	6-33	7-45	4-48	5-03	6-18	
5 April	12-29	3-44	6-33	7-45	4-48	5-03	6-18	
6 April	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16	
7 April	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16	
8 April	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

2 April, 1969.

SA-TAPAK KA-ARAH KEMAJUAN SOKAN

PADA hari Ahad lepas, 30 Mach, 1969 ada-lah merupakan tarikh sa-bagai tapak permulaan yang rasmi menuju ka-arrah kemajuan sokan di-negeri ini.

Pembukaan rasmi Kolam Bernang yang berukoran ol-yampik di-Jalan Berakas di-laksanakan pada hari tersebut oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar.

Berhabib dengan pembukaan kolam tersebut kita tertarek hati bagi mengalu2kan dan menguchapkan tahniah kepada pehak2 yang berkenaan yang telah dengan penoh semangat dan dengan tekat yang waja dapat melaksanakan kepopularan kolam tersebut yang bermula sejak kolam itu di-buka kepada orang ramai. Semoga nilai2 kepopularan itu akan sentiasa terjamin di-masa2 yang akan datang dan kita perchaya ia-nya akan menelorkan hasil2 yang boleh mendukung kepesatan kemajuan negara dalam berbagai2 bidang.

Pada mengalu2kan Kolam Bernang ini, perkara yang menarek hati ia-lah ada-nya "ku-rang perchaya" bagi satengah2 masharakat di-negeri ini dengan langkah Kerajaan mengadakan peruntokan bagi pembenaan-nya yang menelan belanja le-beh dari satu juta ringgit dan timbul pula anggapan bahawa ranchangan itu tidak begitu berfaedah, malah tidak berle-bahan kita katakan bahawa ada yang menganggap ranchangan itu "membazir saja".

Tidak banyak orang yang mengutarakan pendapat2 hasil dari penyelidikan yang te-liti, malah banyak yang menimbulkkan bahawa orang2 kita tidak payah di-sediakan kolam bernang, kerana mereka sudah biasa berenang di-Kampung Ayer dan bermacham2 penda-pat lagi yang sa-akan2 sama linggang-lingkok-nya.

Sekadar untuk berenang2 begitu saja memang banyak orang yang boleh, tetapi ada-lah kurang arif untuk mengata-kan bahawa perenang2 itu boleh di-ketengahkan ka-ge-gang sokan berenang dengan chara2 peraturan2 yang di-ten-tukan. Tegas-nya mutu pere-nang2 itu tidak mencapai ka-taraf tersebut dan mereka ini-lah yang perlu di-beri gala-kan. Satu masa nanti tidak-lah di-ragukan bahawa Brunei akan di-wakili dalam pesta so-kan bernang di-luar negeri.

Sekarang dengan ada-nya Kolam Bernang itu juga su-dah ada orang2 kita yang di-lateh sa-bagai anggota2 penye-lamat yang chekap dan ini be-sar arti-nya bagi menyaimbang-kan kegemaran orang2 kita yang semakin ramai mandi-manda di-pantai2.

Dengan ada-nya kolam ber-nang ini juga dapat menarek perhatian anak2 muda seka-rang yang dahulu-nya tidak mempunyai matalaamt yang di-tuju sa-lain dari panggong2 wayang dan dari mereka ini mungkin akan lahir sa-orang perenang yang handal yang boleh di-ketengahkan nanti. Kolam ini juga mempunyai pendapatan yang besar hasil dari jualan2 tiket masuk dan semakin ramai orang yang berkonjong ka-sana.



▲ Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan di-iringi oleh Pesuruhjaya Pulis Di-Raja, Dato Seri Laila Jasa, Awang J.R.H. Burns ketika berang-kat menyaksikan lebeh dekat lagi ka-Ibu Pejabat Pulis Di-Raja sa-jurus sa-telah Baginda merasmi-kan pembukaan kompleks bangunan Pulis Di-Raja Brunei.

► Duli Yang Maha Mulia ketika memereksa barisan kehormatan yang terdiri dari satu pasokan Pulis Di-Raja di-upachara pembukaan rasmi kompleks Pulis Di-Raja Brunei.



Bangunan Ibu Pejabat Pulis Di-Raja Brunei di-Gadong.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dengan di-iringi oleh Penolong Pesuruhjaya Pulis, Awang C.T. Miller ketika berangkat masuk ka-Ibu Pejabat Pulis yang baru di-Gadong.

Gambar2 di-upachara pembukaan rasmi:

KOMPLEK BANGUNAN
PULIS DI-RAJA —
OLEH D.Y.M.M. PADUKA
SERI BAGINDA SULTAN




Pesuruhjaya Pulis Di-Raja, Dato Seri Laila Jasa Awang J.R.H. Burns (membelakangi kamera) sedang menerang-kan sa-suatu mengenai kompleks bangunan pulis Di-Raja di-Gadong kepada D.Y.M.M. dan Pesuruhjaya Tinggi British Awang A.R. Adair.



Duli Yang Maha Mulia menyaksikan perbarisan terdiri dari anggota Pulis Pengawal Lalu Lintas yang menggunakan motosikal yang di-kepala oleh Ser- gent Adam.

KOLAM BERNANG
OLEH Y.T.M. SERI
PADUKA DULI
PENGIRAN TEMENGGONG

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar se-dang beruchap sa-belum merasmikan pem-bukaan Kolam Bernang.



Permainan berjalan di-atas titi yang lichin merupakan lapangan sokan yang di-gemari. Gambar menun-jok-kan salah satu achara di-pembukaan rasmi kolam bernang.

► 'Pillow fighting' ia-lah antara beberapa achara bagi menyerikan lagi upacara pembukaan rasmi kolam bernang tersebut.



Gambar2 atas dan bawah: ahli2 pasokan penyelamat dan peserta2 wanita dalam lomba bernang berbagai perengkat sedang berbaris di-upachara pembukaan rasmi kolam tersebut.



BARISAN TAMAT LATEHAN

BERAKAS. — Satu perbarisan tamat latehan bagi 87 orang rekrut baru Askar Melayu Di-Raja Brunei akan di-adakan di-Khemah Berakas pada hari Jumaat 4 April.

Pegawai Pemerintah pasukan itu, Lt. Col. J.J.H. Simpson akan membalas tabek di-upacara tersebut.

Mereka akan di-beri chuti sa-lama dua minggu, sa-

belum mereka kembali ka-khemah itu untuk menjalani kursus ulang kaji sa-lama sa-bulan lagi.

Rekrut2 itu ada-lah kumpulan pengambilan yang ka-18.

Saudara mara dan sahabat handai rekrut2 itu ada-lah di-persilakan hadir untuk menyaksikan upacara itu. Mereka akan di-sediakan kenderaan dari Bandar Brunei ka-khemah itu.



Peraduan bahath sambut awal Hijrah

BANDAR BRUNEI — Badan Seksi Kesenian dan Persuratan, Persatuan Pemuda Pemudi Peduman akan mengadakan peraduan bahath bagi menyambut tahun baru Islam — 1389 pada hari Jumaat 4 April mulai jam 7.30 malam bertempat di-tanah lapang Kampong Pelambayan.

Peraduan tersebut hanya terbuka kepada ahli2 persatuan Peduman sahaja.

Lain2 acara dalam sambutan itu termasuklah bacaan ayat2 suci Al-Koran dan satu sharahan khas mengenai sambutan tahun baru Islam yang akan di-sampaikan oleh sa-orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

BANDAR BRUNEI. — Kumpulan terakhir yang terdiri dari 147 orang jemaah haji Brunei telah selamat pulang ka-tanah ayer pada hari Jumaat lepas.

Jemaah2 haji yang menaiki kapal haji Anshun itu tiba di-Labuan pada sebelah paginya dan telah di-bawa ka-Brunei dari Labuan dengan tiga buah kapal kerajaan.

Mereka telah di-sambut di-tambatan Kastam Di-Raja Bandar Brunei oleh beratus2 orang sanak saudara dan sahabat handai mereka.

Jemaah2 haji itu telah ditemani oleh Pegawai Kebajikan Haji, Haji Awang Suhaimi bin Haji Ismail.

Kumpulan2 pertama dan kedua yang terdiri dari 237 orang jemaah haji telah pulang ka-tanah ayer dua minggu yang lalu.

147 jemaah haji selamat pulang



Jemaah2 haji Brunei kelihatan di-atas kapal 'Anshun' yang sedang merapat di-tambatan Labuan. (gambar atas)

Jemaah2 haji menaiki beberapa buah kapal kerajaan dan mereka kelihatan sedang bersiap2 hendak turun dari kapal 'Bolkihah'.

TUGAS2 JABATAN KASTAM

(Dari Muka 2)

kan dalam badan-nya barang tegahan atau kesalahan Kastam. Mereka juga berkuasa membongkar rumah2 untok menchari barang2 tegahan atau kesalahan Kastam, begitu juga ka-atas kenderaan seperti bus2, lori2, motorcar2 preman dan sa-bagai-nya.

Sa-lain dari kewajipan mustahak yang telah saya sebutkan, pegawai2 Kastam juga dikehendaki membuat sedikit sa-banyak pekerjaan yang biasa di-lakukan oleh kerani2. Semua kewajipan2 ini berkehendakkan orang mempunyai pelajaran yang chukop dan itu-lah sebab-nya perlu bagi mana2 orang yang hendak memasuki jawatan ini sekarang mesti-lah mempunyai pelajaran sa-kurang2-nya Form III.

Sa-bagai tambahan kepada pekerjaan mengutip chukai dan lain2-nya yang telah di-sebutkan di-atas tadi pegawai2 Kastam ada-lah juga membantu pekerjaan lain2 Jabatan tentang menahankan pemasokan dan perkeluaran barang2 yang mana oleh sebab2 muslihat dan dasar Kerajaan mahu-lah di-dagah, di-sekat atau di-ator ia-

itu dengan lesen2.

Orang ramai dapat bekerjasama dengan Jabatan Kastam dengan jalan menyatakan kepada Kastam semua barang2 yang mereka bawa masuk atau keluar daripada negeri dengan tidak menghiraukan sama ada barang2 itu berchukai atau tidak dan sama ada banyak atau sedikit. Orang2 ramai di-harap dapat bekerjasama juga dengan Jabatan Kastam dengan jalan memberi malumat2 sa-chara sulit kepada pegawai2 Kastam manakala mereka mengetahui ada orang yang melarikan chukai atau barang tegahan. Nama2 mereka yang memberi malumat itu memang tidak akan di-hebahkan kepada siapa pun.

Nakhoda2 dan pemandu2 kapal termasuk outboard2 dan perahu2 dan kenderaan darat sa-lain dari yang di-bebaskan, hendak-lah berhenti atau singgah di-out-station2 tersebut tadi untok di-periksa, mengambil pas atau untok menyerahkan pas, kechuali mereka telah datang daripada atau akan pergi kepada lain pelabuhan sama ada dalam atau diluar Negeri.



Sa-tiap tahun apabila jemaah2 haji pulang ka-tanah ayer, tambatan kastam merupakan kawasan yang di-banjiri dengan manusia. Beberapa tahun yang lalu sa-belum di-kenakan sekatan, beberapa kemalangan kecil telah berlaku akibat dari keadaan yang penoh sesak di-tambatan itu. Kerana mengelakkan kemalangan2 yang mungkin terjadi, maka sekatan2 yang ketat telah di-lakukan. Gambar menunjokkan sanak saudara jemaah2 haji sedang menunggu di-luar kawasan tambatan kastam dan kawat2 berduri kelibat merintang mereka.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Juruteknik Makmal Perchubaaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan sa-bagai Juruteknik Makmal Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

- Chalun2 yang di-kehendaki bagi jawatan ini hendak-lah sudah menchapai umur 17 tahun dan bukan-nya 25 tahun. Mereka mesti-lah rayat D.Y. M.M. Sultan Brunei atau yang berhak di-daftarkan sedemikian. Pemohon2 yang berumur lebeh dari 20 tahun hendak-lah pemohon yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan.
- Mereka hendak-lah lulus Sijil Persekolahan sebarang laut.
- Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang mendapat kepujian dalam Ilmu Sain dan/atau Ilmu Hisab.

Tingkatan Gaji:

Juruteknik Makmal Perchubaaan — \$210 x 10 - 260/EB/270 x 15 - 360.

Juruteknik Makmal Terlateh — \$380 x 20 - 480/EB/500 x 20 - 620.

Juruteknik Makmal Kanan — \$660 x 30 - 900.

Ketua Juruteknik Makmal — \$930 x 30 - 1050/EB/1080 x 30 - 1200.

Pemohon2 yang terpileh akan di-lantek dalam perchubaaan sa-lama tiga tahun sa-bagai Juruteknik2

Makmal Perchubaaan, dan juga akan di-hantar ka-Seberang Laut bagi menjalani latehan.

Juruteknik2 Makmal Perchubaaan akan di-kehendaki lulus semua pepereksaan sa-masa mereka dalam kursus latehan sa-waktu dalam perchubaaan.

Perchubaaan2 yang:

- telah lulus pepeksaan terakhir, dan
- telah di-sokong oleh Ke-

tua Pejabat mereka akan berhak di-tetapkan sa-bagai Juruteknik Makmal Terlateh.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-hantar bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 April, 1969.

Sa-bagai Pembantu Teknik Kanan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan bagi memenohi jawatan sa-bagai Pembantu Teknik Kanan di-Jabatan Kerja Raya, Brunei. (3 jawatan).

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Diploma Maktab Teknik, Kuala Lumpur, Malaysia atau kelayakan yang boleh di-terima serta mempunyai pengalaman praktik sekurang2-nya selama 6 tahun dalam salah satu atau pun lebeh chawagan Kejuruteraan 'Am atau Ukoran Bangunan, Reka Bentuk Pembinaan dan Pemeliharaan. Umur sekurang2-nya 30 tahun. Keutamaan akan di-beri kepada chalun2 yang mempunyai pengetahuan dalam Bahasa Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 \$660x30 - 900. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sul-

tan Brunei akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Pemohon2 yang terdiri dari raayat atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-beri jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

BAKSIS:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 April, 1969.

Penulong

Pegawai Stesen

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada chalun2 yang menjadi raayat atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan sa-bagai Penulong Pegawai Stesen di-Jabatan Pasokan Bomba, Brunei.

Kelayakan2:

- Umur — di-antara 18 hingga 26 tahun.
- Tinggi — sekurang2-nya 5' 4".
- Dada — sekurang2-nya 34" bila di-kempiskan.
- Lulus Form III atau yang sebanding dengan-nya dalam bahasa Inggeris dan Darjah IV Melayu.

Kesihatan:

Pemohon2 mesti-lah berbadan tegap dan sehat badan saperti di-kehendaki dalam Pasokan Bomba.

Latehan:

Chalun2 yang berjaya mesti-lah lulus dalam Darjah Latehan Pegawai tempatan dan boleh jadi di-kehendaki menjalani latehan di-seberang laut.

Menjalankan Tugas2:

Chalun2 yang berjaya apabila di-daftar mungkin di-kehendaki menjalankan tugas2 di-mana2 Balai Bomba di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji P.3 — (\$290x5-300x10-320). (Kalau sa-orang chalun yang berjaya daripada Pegawai Kerajaan kemasokkan-nya ka-dalam tingkatan gaji tersebut akan di-pertimbangkan oleh Surohannya Perkhidmatan Awam.

Pemohonan2 daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Ibu Pejabat Pasokan Bomba, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Pengawal Pasokan Bomba, Brunei, tidak lewat daripada 20 April, 1969.

SI-TUYU

oleh:m.salleh ibrahim



Y. T. M. SERI PADUKA DULI PENGIRAN TEMENGGONG RASMIKAN KOLAM BERNANG

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Muda Mohammad Bolkihah bersabda, bahawa kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan akan sentiasa melaksanakan usaha pembangunan yang akan memberikan faedah kepada rakyat dan mengharumkan nama baik Negeri Brunei.

Yang Teramat Mulia bersabda demikian ketika merasmikan pembukaan Kolam Bernang di-Berakas yang berharga kira2 \$1.3 juta pada hari Ahad lepas.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong bersabda, beberapa projek yang berfaedah telah pun di-selesaikan dengan memuaskan dan yang lain-nya sedang berjalan dengan lancar.

Menyentuh tentang kolam bernang, itu Yang Teramat Mulia telah melahirkan harapan supaya kemudahan2 di-kolam bernang itu akan dapat meninggikan lagi taraf ahli2 sokan bernang tempatan.

Untuk menandakan pembukaan rasmi kolam tersebut, enam ekor burung merpati telah di-lepaskan.

Turut memberikan ucapan di-upacara itu ialah Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Mohd. Ali bin Awang Besar, selaku Pengerusi Jawatankuasa Pembukaan Kolam Bernang.

Sa-telah selesai upacara merasmikan pembukaan kolam tersebut telah di-ikuti pula dengan perlumbaan bernang dan pertunjukkan chara2 menyelamat jiwa.

Antara yang hadir di-upacara itu ialah Tuan



Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A.R. Adair, Yang Amat Mulia Cheteria2, Yang Berhormat Penolong2 Menteri, Ahli2 Majlis Mashuarat dan pegawai2 kanan kerajaan.

Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong ketika di-alu2kan oleh Setia Usaha Penyelenggara Pembukaan, Awang Kuan Huah Oong, Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Mohd. Ali (di-sa-belah kiri) dan Penolong Pegawai Daerah, Awang Sidek Yahya (di-sa-belah kanan).

Enggan membaharui lesen sukatan dan timbangan boleh di-denda

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Pemeriksa Sukatan dan Timbangan menyatakan bahawa ramai lagi pedagang2 dan pekedai2 di-Daerah Brunei-Muara maseh belum lagi membaharui lesen2 perkakas sukatan dan timbangan mereka bagi tahun ini.

Beliau berkata, mereka adalah orang2 yang tidak mengeluarkan perkakas2 sukatan dan timbangan mereka apabila kaki-tangan pejabat tersebut menjalankan pemeriksaan tahunan di-daerah ini dalam bulan Januari lepas untuk memeriksa dan melesen perkakas2 tersebut.

Pegawai Pemeriksa Sukatan dan Timbangan menyeru pedagang2 dan pekedai2 supaya membawa perkakas2 sukatan dan timbangan mereka ka-pejabat Sukatan dan Timbangan

di-Bandar Brunei untuk diperiksa.

Beliau berkata, sa-siapa yang di-dapati menggunakan perkakas sukatan dan timbangan yang tidak mempunyai lesen untuk tahun ini akan didakwa.

Mereka boleh di-denda sebanyak \$50.00 bagi kesalahan yang kedua kali-nya serta perkakas2 mereka akan di-ramas.

Beliau sa-terus-nya berkata, semua urusan perdagangan yang menggunakan perkakas2 sukatan dan timbangan yang tidak mempunyai lesen bagi tahun ini akan di-batalkan.

Permohonan2 untuk masoki H. S. C., S. C., M. C. E. mulai di-terima

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pelajaran telah mulai menerima permohonan2 dari orang2 perseorangan yang ingin mengambil peperiksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut, Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Pelajaran 'Am dan Sijil Persekolahan Tinggi.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, peperiksaan2 itu akan di-adakan dalam bulan Oktober tahun ini di-Bandar Brunei dan Seria.

Bakal2 calon mesti-lah memuassakan Jabatan Pelajaran dengan bukti2 yang mereka telah menghadiri Form V bagi peperiksaan bersama Sijil Persekolahan Seberang Laut, Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Pelajaran 'Am dan Form VI (tingkatan atas) bagi Sijil Persekolahan Tinggi.

Bakal2 calon yang ingin memasoki peperiksaan2 tersebut hendak-lah mengisikan borang2 yang boleh di-perolehi dari Jabatan Pelajaran dengan menyatakan bukti2 yang diperlukan dan kad pengenalan mereka.

Bayaran masok ia-lah \$40.00 bagi peperiksaan bersama Sijil Persekolahan Seberang Laut, Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Pelajaran 'Am dan \$50.00 bagi Sijil Persekolahan Tinggi.

Borang2 yang telah di-isikan bersama2 dengan bayaran masok hendak-lah sampai ka-Jabatan Pelajaran, Bandar Brunei tidak lewat dari 30 April, 1969. Permohonan2 yang lewat dari tarikh itu tidak akan di-terima.

110 orang menyer tai Kelas Bimbingan Sastera

BANDAR BRUNEI. — Saramai 110 orang peminat sastera di-negeri ini telah mendaftarkan nama untuk mengikut Kelas Bimbingan Sastera anjoran Persatuan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERWANI).

Setia Usaha persatuan tersebut, Awang Leman Ahmad menyatakan bahawa sambutan dari peminat sastera ada-lah sangat menggalakkan.

Kelas Bimbingan Sastera ada-lah julong2 kali-nya di-anjorkan oleh persatuan ASTERWANI.

Ia-nya akan di-adakan di-Bilik Kauliah, Dewan Bahasa dan Pustaka sa-lama tujuh minggu ia-itu pada tiap2 hari Jumaat.

Kelas tersebut akan di-rasmikan pembukaan-nya oleh Pesuruhjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri pada hari Jumaat 4 April di-Dewan Raya jam 8.00 pagi.

Peserta2 yang telah mendaftarkan nama untuk mengikut kelas tersebut dan ahli2 persatuan ASTERWANI ada-lah di-minta hadir di-upacara pembukaan itu.



Awang Yeo Meng Whatt sedang menerima Piala Rebutan Sedco dari Puan Bonny Hatfield sa-telah memenangi perlumbaan go-kart sa-lama 1½ jam anjoran Kelab Moto Negeri Brunei pada hari Ahad lepas di-Gelanggang Sokan Seria.